

NAMA : _____

KELAS : _____

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 2021
PERNIAGAAN
Kertas 1
November
1 $\frac{1}{4}$ Jam**



SEKOLAH MENENGAH

PERNIAGAAN
Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu, A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik .*

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(.....) (.....) (.....)

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak termasuk mukadepan.

1. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan tujuan perniagaan?
 - A. Mewujudkan nilai faedah kepada pengguna
 - B. Mengagihkan barang daripada pengeluar kepada pengguna
 - C. Menjual barang dan perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan
 - D. Menawarkan barang atau perkhidmatan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
2. Apakah kelebihan jenis milikan perniagaan koperasi berbanding syarikat berhad?
 - A. Kewujudan perniagaan kekal
 - B. Tidak dikenakan cukai pendapatan
 - C. Modal bertambah melalui jualan saham
 - D. Liabiliti terhad kepada modal yang dilaburkan
3. Perniagaan manakah diklasifikasikan sebagai bersaiz kecil?
 - A. Hospital kerajaan
 - B. Loji penapis minyak
 - C. Kedai gunting rambut
 - D. Kilang pembuatan pakaian
4. Maklumat berikut berkaitan pihak kerajaan.

- Majlis Perbandaran Kuantan
- Majlis Daerah Pekan

Antara berikut, yang manakah merupakan bidang kuasa pihak tersebut?

- I. Menyediakan lokasi strategik untuk aktiviti perniagaan
- II. Menggalakan pelabur asing dan tempatan
- III. Menggubal undang-undang kecil perniagaan
- IV. Merangka dan melaksanakan dasar-dasar pembangunan setempat
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

5. Apakan peranan kerajaan dalam mengatasi masalah inflasi?
- Dasar membeli barang import
 - Meningkatkan kadar faedah
 - Dasar galakan pelaburan
 - Menurunkan kadar cukai
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
6. Antara berikut, yang manakah merupakan kesan perubahan aspek pasaran terhadap perniagaan?
- Lambakan barang import
 - Peningkatan kos pengeluaran
 - Pertumbuhan ekonomi yang mampan
 - Perubahan fesyen dan gaya hidup pengguna
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
7. Pernyataan manakah benar mengenai tujuan visi sebagai hala tuju perniagaan ?
- Sasaran pencapaian jangka masa melebihi 5 tahun
 - Sasaran yang perlu dicapai secara khusus dan spesifik
 - Memudahkan sumber diagihkan secara cekap dan berkesan
 - Memudahkan pekerja memahami petunjuk prestasi utama (KPI) syarikat
8. Seorang pengurus yang berwibawa mampu mengerakkan perniagaannya melalui visi yang mudah dihayati oleh semua pekerjanya. Mengapakah penghayatan visi dalam organisasi perlu bagi organisasi perniagaan?
- Mengelak sebarang kerugian
 - Mewujudkan pasukan pekerja yang mantap
 - Menjalankan tugas mengikut deskripsi tugas
 - Bekerjasama dalam satu pasukan ke arah hala tuju yang sama

9. Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Dedalu Emas Sdn Bhd mensasarkan pengeluaran sebanyak 50 000 unit produk pada tahun 2016. Pada akhir tahun 2016, syarikat Berjaya mengeluarkan sebanyak 45 000 unit produk sahaja.

Apakah ciri objektif yang gagal dipenuhi oleh syarikat tersebut?

- A. Spesifik
 - B. Boleh dicapai
 - C. Jangka masa
 - D. Boleh diukur
10. Mengapa objektif sesebuah organisasi mesti selaras dengan visi dan misi?
- A. Objektif dijadikan sebagai penjelasan lanjut tentang visi dan misi
 - B. Pencapaian visi dan misi bergantung pada pencapaian objektif
 - C. Objektif dibentuk setelah ditetapkan visi dan misi organisasi
 - D. Pencapaian organisasi menggambarkan visi dan misi Berjaya
11. Bahagian fungsian organisasi perniagaan disusun secara sistematik melalui
- A. carta aliran
 - B. hierarki aliran
 - C. carta organisasi
 - D. penyata kewangan
12. Apakah tugas pengurus bahagian fungsian pentadbiran?
- I. Mengurus program perniagaan
 - II. Menyediakan dokumen perniagaan
 - III. Mengawal perbelanjaan perniagaan
 - IV. Menyediakan penyata pendapatan perniagaan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

13. Maklumat berikut menunjukkan beberapa contoh peralatan IT yang biasa digunakan dalam sesebuah perniagaan.

- Komputer riba
- Telefon bimbit
- Mesin faksimili

Apakah peranan dan kepentingan teknologi maklumat dalam pengurusan sumber manusia?

- A. Menjimatkan masa
- B. Tidak perlu melatihkan pekerja
- C. Mengurangkan penggunaan buruh
- D. Memudahkan penilaian data perniagaan

14. Maklumat berikut berkaitan dengan dua buah organisasi perniagaan.

Kilang Biskut Nora

Kedai Runcit Haji Ramli


Bahagian fungsian manakah hanya terdapat di Kilang Biskut Nora?

- A. Pembelian
- B. Pemasaran
- C. Pentadbiran
- D. Pengeluaran

15. X merupakan satu proses perancangan, pengagihan, pengawalan dan kepimpinan modal insan organisasi. Apakah yang berkaitan dengan X?

- A. Pengurusan sumber kewangan
- B. Pengurusan sumber manusia
- C. Pengurusan sumber fizikal
- D. Pengurusan pengeluaran

16. Rajah yang berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia dalam organisasi perniagaan.



Apakah X?

- A. Kreatif
 - B. Inovatif
 - C. Kepakaran
 - D. Berintegriti
17. Salah satu peranan pengurusan sumber manusia ialah memantapkan budaya professional. Bagaimanakah pemantapan budaya professional dapat membantu organisasi?
- I. Dapat meningkatkan imej organisasi
 - II. Dapat meningkatkan jualan perniagaan
 - III. Dapat meningkatkan kreativiti dan inovasi
 - IV. Pekerja dapat menjalankan tugas dengan cekap
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

18. Antara berikut, manakah betul tentang kepentingan struktur organisasi?

- I. Melatih sumber manusia
 - II. Menetapkan visi dan misi
 - III. Mewujudkan rantaian arahan
 - IV. Mengagihkan sumber organisasi dengan berkesan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV


19. Mengapa pelbagai jenis kemahiran kebolehkerjaan amat penting bagi seseorang bakal graduan?

- A. Majikan berminat menawarkan kerja
- B. Dapat merancang dan mengurus diri
- C. Dapat berkomunikasi dengan berkesan
- D. Berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah

20. Mengapa penting untuk sesebuah organisasi perniagaan menguruskan sumber fizikal dengan cekap?

- A. Dapat memastikan sumber sentiasa cukup
- B. Dapat mewujudkan perniagaan yang mampan
- C. Dapat mengelakkan berlaku kerosakan sumber
- D. Dapat meningkatkan kecekapan dan kemahiran pekerja

21. Rajah di bawah menunjukkan prosedur mengurus salah satu sumber fizikal




X merujuk kepada

- A. Kitar semula
- B. Teknologi
- C. Lesen perisian
- D. Penyelenggaraan

22. Apakah perbezaan antara sumber teknologi untuk perniagaan berasaskan produk dengan perniagaan berasaskan perkhidmatan?

- A. Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang boleh dipatenkan
- B. Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi hak cipta terpelihara
- C. Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi lesen perisian
- D. Perniagaan perkhidmatan tiada produk yang diberi cap dagangan

23. Rajah di bawah merupakan prosedur mengurus sumber teknologi



Antara berikut, yang manakah merupakan prosedur yang betul bagi T?

- A. Hak cipta terpelihara
- B. Penyelenggaraan
- C. Keselamatan
- D. Insurans

24. Gambar menunjukkan kemudahan aplikasi teknologi dalam perniagaan.



Apakah kesan aplikasi tersebut kepada perniagaan?

- A. Meningkatkan hasil perniagaan
- B. Meningkatkan kepuasan pelanggan
- C. Meningkatkan pengambilan pekerja
- D. Meningkatkan perbelanjaan pengurusan

25. En Ramu merupakan pengurus dan pemilik sebuah pasar raya . Antara berikut yang manakah merupakan sumber pembiayaan dalaman bagi En Ramu?
- I. Sewa beli
 - II. Pemfaktoran
 - III. Simpanan peribadi
 - IV. Modal dari keuntungan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
26. Puan Mee Yee ingin membuka cawangan cafe di kampung halamannya di Rembau, Negeri Sembilan. Beliau bercadang untuk mendapatkan pembiayaan dalaman. Manakah antara berikut jenis sumber pembiayaan yang sesuai?
- I. Simpanan peribadi
 - II. Keuntungan syarikat
 - III. Pajakan
 - IV. Sewa beli
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
27. Apakah kelebihan jika sesebuah perniagaan mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan?
- A. Jumlah pinjaman adalah terhad
 - B. Tempoh bayaran balik pendek
 - C. Dikenakan kadar faedah yang tinggi
 - D. Memerlukan aset tetap sebagai cagaran

28. Rajah di bawah menunjukkan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan

Usahawan menyediakan rancangan perniagaan
bagi pembiayaan kewangan

P

Membuat permohonan berkenaan jenis pembiayaan yang sesuai dengan
menyediakan dokumen yang diperlukan

Memulakan perniagaan jika lulus

Apakah prosedur yang sesuai bagi P?

- A. Membayar yuran yang sewajarnya
- B. Menyediakan aset tetap sebagai cagaran
- C. Berunding dengan pakar runding bagi mendapatkan khidmat nasihat
- D. Menyemak jenis keperluan perniagaan yang diperlukan oleh usahawan

29. Antara yang berikut, yang manakah merupakan modal kedai gunting rambut?

- I. Wang tunai
 - II. Peralatan menggunting
 - III. Pelanggan
 - IV. Pekerja
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

30. Apakah maksud penyata kewangan

- A. Penyata kedudukan kewangan yang menunjukkan harta dan hutang perniagaan
- B. Menunjukkan punca perolehan dan penggunaan tunai dalam satu tempoh masa tertentu
- C. Satu bentuk laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan bagi suatu tempoh masa tertentu.
- D. Satu akaun terdiri daripada akaun perniagaan dan akaun untung rugi

31. Maklumat di bawah berkaitan dengan penyata kewangan kepada salah satu pihak berkepentingan.

- Dapat mengetahui hala tuju perniagaan.
- Mengetahui bakal pulangan yang akan diperoleh.

Siapakah pihak berkepentingan yang berkenaan?

- A. Pembekal
- B. Pembiaya
- C. Pihak pengurusan
- D. Pemegang saham

32. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan maklumat kewangan Syarikat ABC Bhd pada akhir tahun 2020.

	RM
Untung kasar	50,000
Untung Bersih	30,000
Modal Awal	300,000
Modal Akhir	330,000

Kira peratusan pulangan atas modal Syarikat ABC Bhd.

- A. 9.1%
- B. 10%
- C. 15.2%
- D. 16.7%

33. Antara yang berikut, kemahiran manakah yang dapat membangunkan karakter diri seseorang usahawan?

- I. Kemahiran berfikir
 - II. Kemahiran manipulatif
 - III. Kemahiran berkomunikasi
 - IV. Kemahiran membuat keputusan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

34. Maklumat yang berikut berkaitan dengan faktor penyumbang untuk memulakan perniagaan.

Kementerian Pembangunan Usahwan dan Koperasi Malaysia (MECD) memberi bantuan khidmat nasihat dan rundingan kepada usahawan.

Apakah faktor berkenaan?

- A. Modal
 - B. Pemasaran
 - C. Kemahiran
 - D. Bantuan professional
35. Bagaimanakah kerjaya dalam bidang perniagaan memberi faedah kepada matlamat peribadi seseorang usahawan?
- A. Dapat melaksanakan tanggungjawab sosial perniagaan
 - B. Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat
 - C. Memberi kebebasan mengurus kehidupan diri dan keluarga
 - D. Dapat menghasilkan pelbagai produk yang memenuhi keperluan pengguna.
36. Antara yang berikut, manakah yang tertakluk di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- I. Kedai Runcit Lee
 - II. Pasar Mini Harmoni
 - III. Syarikat Prima Berhad
 - IV. Syarikat Aloha Sendirian Berhad
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
37. Encik Azri dan Encik Wahid berhasrat menubuhan syarikat persendirian. Mengapakah mereka perlu membuat permohonan carian nama syarikat?
- A. Untuk mencari nama yang ringkas
 - B. Untuk mencari nama yang bercirikan Malaysia
 - C. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang saman
 - D. Untuk mengelakkan daripada menggunakan nama syarikat yang telah didenda.

38. Antara yang berikut, manakah maklumat yang perlu dilengkapkan oleh usahawan yang memohon pemerbadanan syarikat?
- I. Alamat pejabat berdaftar
 - II. Jumlah modal diperlukan
 - III. Tempoh masa syarikat beroperasi
 - IV. Maklumat pemegang saham syarikat
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
39. Antara yang berikut, manakah yang membolehkan usahawan menamatkan perniagaan mereka?
- I. Bankrap
 - II. Perintah mahkamah
 - III. Berubah alamat utama perniagaan
 - IV. Pertukaran ahli lembaga pengarah
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
40. Pernyataan manakah yang benar tentang pemasaran?
- A. Aktiviti jual beli barang untuk mendapatkan keuntungan
 - B. Aktiviti mengeluarkan barang untuk memenuhi kehendak pengguna
 - C. Aktiviti pertukaran hak milik barang antara penjual dengan pembeli
 - D. Aktiviti menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna.

KERTAS SOALAN TAMAT